

**NO. SOALAN: 209**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN**

**RUJUKAN : 9437**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah bilangan kereta yang telah dicuri dalam tempoh lima tahun yang lepas serta menjelaskan sebab-sebab pihak polis masih gagal untuk menumpaskan sindiket curi kereta.

**JAWAPAN:**

Pihak Polis sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam usaha mencegah dan membanteras kegiatan jenayah curi kenderaan yang merupakan salah satu penyumbang utama jenayah indeks dalam negara. Sindiket curi kenderaan kebiasaannya dilakukan atas dua sebab utama iaitu untuk mendapatkan alat ganti dan untuk dijual ke luar negara terutama kenderaan mewah. Terdapat juga kes di mana kenderaan dicuri untuk tujuan melakukan jenayah dan sebagai umpan untuk mendapatkan wang pemerasan.

Statistik jumlah kenderaan yang dicuri pada tahun 2010 sehingga 2015 adalah seperti berikut:-

JENIS KENDERAAN HILANG	TAHUN					
	2010	2011	2012	2013	2014	2015
MOTOKAR	15,290	16,110	16,196	16,733	13,407	12,049
MOTOSIKAL	54,557	50,896	51,259	49,133	43,025	38,565
VAN/LORI/JENTERA BERAT	4,774	4,472	4,526	4,981	4,076	3,395
<b>JUMLAH</b>	<b>74,621</b>	<b>71,478</b>	<b>71,981</b>	<b>70,847</b>	<b>60,508</b>	<b>54,009</b>

**Statistik sindiket curi kenderaan yang ditumpaskan pada tahun 2015 sehingga September 2016 adalah seperti berikut:-**

BIL	NEGERI	TAHUN 2015		TAHUN 2016 (JANUARI – SEPTEMBER)	
		SINDIKET	RAMPASAN KENDERAAN	SINDIKET	RAMPASAN
1	PERLIS	6	31	2	4
2	PERAK	6	7	5	5
3	NEGERI SEMBILAN	5	22	8	26
4	PULAU PINANG	9	46	11	61
5	SELANGOR	54	339	50	292
6	KELANTAN	2	7	4	38
7	TERENGGANU	8	30	2	6
8	JOHOR	6	56	2	5
9	SABAH	20	25	15	30
10	SARAWAK	11	16	14	36
11	PAHANG	32	48	33	68
12	KEDAH	22	72	27	66
13	KUALA LUMPUR	12	217	26	274
14	MELAKA	9	71	4	25
15	BUKIT AMAN	13	59	3	8
<b>JUMLAH</b>		<b>215</b>	<b>1,046</b>	<b>206</b>	<b>944</b>

**Hasil siasatan pihak polis mendapati kebanyakan kes kecurian kenderaan ini berlaku disebabkan oleh faktor-faktor yang sukar bagi pihak polis membuat tindakan pencegahan seperti berikut:-**

**i) kecuiaan pemilik kenderaan**

**Pemilik kenderaan meletakkan kenderaan di tempat gelap, kawasan rumah tidak berpagar, tidak mengunci kenderaan dan meninggalkan barangan yang menarik minat pencuri seperti beg, komputer dan telefon di dalam kereta;**

**ii) kenderaan yang sukar diperoleh alat ganti atau aksesori yang mahal dipasang pada kenderaan.**

**Kenderaan jenis ini dicuri khusus untuk mendapatkan alat ganti terutamanya jenis kenderaan yang tidak banyak dalam pasaran atau untuk mendapatkan aksesori mahal dipasang pada kenderaan seperti sistem audio, sport rim dan sebagainya;**

**iii) kenderaan yang mempunyai pasaran besar dan mudah dijual sama ada dalam atau luar negara.**

**Kenderaan berjenama menjadi pilihan sindiket kerana mudah untuk dijual dengan harga rendah dari pasaran sama ada dalam negara atau luar negara. Permintaan terhadap kenderaan jenis ini amat tinggi dan pembeli tanpa usul periksa akan membeli kerana harga rendah yang ditawarkan. Sindiket akan menggunakan pelbagai alasan seperti tuan punya akan berhijrah ke luar negara, pemilik asal telah membeli kenderaan baharu, bayaran tertunggak dengan bank dan sebagainya bagi meyakinkan pembeli;**

- iv) terdapat sindiket dan bengkel kenderaan yang memalsukan kad pendaftaran kenderaan dan nombor casis kenderaan. Sindiket dapat meyakinkan pembeli bahawa kenderaan tersebut adalah kenderaan yang sah dan tidak meragukan. Pembeli hanya menyedari kenderaan tersebut adalah kenderaan curi apabila hendak memperbaharui cukai jalan;**
- v) untuk kegunaan di ladang, tapak pembinaan atau kawasan pedalaman. Kebiasaannya motosikal atau kenderaan pacuan empat roda menjadi pilihan sindiket untuk dijual kepada pekerja di ladang-ladang atau tapak pembinaan. Kenderaan tersebut akan dibuang dalam sungai atau tasik setelah kerja di ladang atau tapak pembinaan selesai. Apabila berhijrah ke tempat baharu, pekerja akan meminta sindiket mencari kenderaan yang lain; dan**
- vi) kesukaran untuk membawa kembali kenderaan curi dari luar negara adalah disebabkan peraturan dan undang-undang antara kedua-dua negara yang berbeza melainkan kenderaan tersebut dirampas oleh pihak berkuasa negara tersebut dan diserahkan kembali kepada pihak berkuasa negara kita.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN**  
**DARIPADA [ IPOH BARAT ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kes keracunan makanan di sekolah dalam tempoh lima tahun yang lepas dan apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan langkah-langkah pencegahan yang harus diambil:

1. Pihak sekolah diberi Surat Peringatan bagi setiap kes keracunan yang berlaku di premis kantin atau dapur asrama.
2. KPM dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia akan memastikan langkah-langkah pembetulan diambil oleh pihak sekolah dan pengusaha sebelum kantin atau dapur asrama dibuka semula.
3. Pengusaha kantin dan dapur asrama diwajibkan melaksanakan Pemeriksaan Kendiri Harian. Manakala pihak sekolah akan

melaksanakan Pemeriksaan Kendiri Bulanan dan dihantar ke Pejabat Pendidikan Daerah dan Pejabat Kesihatan Daerah sebelum 10 haribulan bulan berikutnya.

4. Kes Keracunan Makanan akan direkod untuk penilaian semasa Buka Sebut Harga atau pelanjutan tempoh penyewaan 1 tahun tambahan ( 2 + 1 ).